A

Diljit Kaur a/p Puran Singh lwn Satwant Kaur a/p Puran Singh & lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S1(S2)–23–49 TAHUN 2000

B

AZMEL MAAMOR H

4 OKTOBER 2004

Acara Sivil — Pliding — Gagal memfailkan pembelaan — Writ saman tidak diindorskan bersama pernyataan tuntutan disampaikan ke atas defendan — Defendan memfailkan kehadiran

C

bersyarat — Sama ada wujud kewajipan memfailkan pembelaan

Acara Sivil — Writ saman — Pengindorsan — Pernyataan tuntutan tidak diindorskan — Defendan memasuki kehadiran bersyarat — Bila harus memfailkan dan menyampaikan pernyataan tuntutan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 1

D

Plaintif telah menyerahkan writ saman tanpa pernyataan tuntutan diindorskan (kand 1) kepada defendan pertama pada 31 Ogos 2001; kepada defendan kedua pada 4 September 2001; dan kepada defendan ketiga pada 3 September 2001. Defendan-defendan kemudiannya memfailkan saman dalam kamar *ex-parte* (kand 7) untuk memohon kebenaran bagi memasukkan memorandum kehadiran

E

bersyarat. Kandungan 7 telah dibenarkan oleh penolong kanan pendaftar ('PKP') dan selaras dengan itu, pada 21 September 2001 defendan-defendan telah memfailkan ke dalam memorandum kehadiran bersyarat (kand 9). Plaintif kemudiannya memfailkan saman dalam kamar (kand 13) untuk mendapat perintah perlanjutan masa untuk memfailkan pernyataan tuntutan. Namun begitu,

F

sebelum sempat permohonan tersebut diputuskan, plaintif pada 24 Januari 2002 telah memfailkan pernyataan tuntutan (kand 19). Oleh kerana tiada pembelaan dimasukkan oleh defendan-defendan, pada 25 Jun 2002, plaintif memfailkan permohonan untuk mendapat penghakiman ingkar pembelaan.

G

Diputuskan, menolak permohonan plaintif:

(1) Sama ada kehadiran tak bersyarat di dalam borang 15 atau kehadiran bersyarat di dalam borang 16 difailkan, A 18 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') terpakai dan tempoh masa untuk menyerahkan

H

pernyataan tuntutan kepada defendan mestilah 14 hari daripada tarikh pemfailan kehadiran di mahkamah tanpa mengira sama ada kehadiran bersyarat atau kehadiran tak bersyarat telah difailkan oleh defendan (lihat perenggan 9).

(2) Pada masa kand 19 diserahkan masa untuk membuat serahan telah

I

luput. Serahan yang dibuat di dalam masa yang tidak dibenarkan tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang. Selaras dengan itu defendan-defendan tidak perlu memfailkan pembelaan mereka. Di dalam keadaan

defendan-defendan tidak perlu memfailkan pembelaan, tidaklah boleh dikatakan defendan-defendan telah gagal memfailkan pembelaan di dalam masa yang diperuntukkan (lihat perenggan 10).

(3) Selanjutnya, sebelum memfailkan kand 19, plaintif telah memfailkan kand 13. Ini membawa erti bahawa plaintif mengakui adalah perlu untuk mendapat kebenaran mahkamah untuk memfailkan pernyataan tuntutan dan seterusnya membuat serahan di luar jangka masa. Namun begitu, sebelum kand 13 diputuskan, plaintif telah terlebih dahulu memfailkan kand 19. Plaintif tidak boleh dibenarkan mengambil pendirian yang berbeza. Lebih memudaratkan kedudukan plaintif, kand 13 ditolak oleh PKP. Ini bererti pada mana-mana masa plaintif tidak mendapat kebenaran untuk memfailkan pernyataan tuntutan. Di dalam keadaan yang demikian, setakat ini belum ada lagi pernyataan tuntutan yang sah yang telah difailkan oleh plaintif. Memandangkan kepada ketiadaan pernyataan tuntutan yang sah difailkan maka keperluan bagi defendan-defendan memfailkan pembelaan tidak timbul (lihat perenggan 11).]

[**English summary**

The plaintiff served a writ of summons without the indorsement of a statement of claim (encl 1) on the first defendant on 31 August 2001; on the second defendant on 4 September 2001; and on the third defendant on 3 September 2001. The defendants then filed an *ex-parte* summons in chamber (encl 7) for leave to enter a conditional appearance. The enclosure was allowed by the senior assistant registrar ('SAR') and subsequently on 21 September 2001 the defendant filed a conditional appearance (encl 9). Later, the plaintiff filed a summons in chamber (encl 13) for an order for an extension of time to file the statement of claim. However, before the enclosure was heard, the plaintiff on 24 January 2002 filed a statement of claim (encl 19). As no defence was entered by the defendants, the plaintiff on 25 June 2002 filed an application for judgment in default of the defence.

Held, dismissing the plaintiff's application:

(1) Whether an unconditional appearance in form 15 or a conditional appearance in form 16 is being filed, O 18 r 1 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC') is applicable and the time limit to serve the statement of claim on the defendant is 14 days from the date the appearance is filed in court regardless whether the defendant filed a conditional or unconditional appearance (see para 9).

(2) When encl 19 was served, the time for service had expired. The service was made outside the prescribed time limit and therefore was not effective in law. Therefore, the defendants were not required to file their

defence. In the event where the defendants were not required to file their defence, they could not be said to have failed to file the defence within the prescribed time limit (see para 10).

(3) Moreover, before filing encl 19, the plaintiff had filed encl 13. This means the plaintiff acknowledged that he had to obtain leave of the court to file a statement of claim and to serve the same outside the time limit. Nevertheless, before encl 13 was decided, the plaintiff had filed encl 19. The plaintiff should not be allowed to take a different stand. More detrimental to the plaintiff, encl 13 was dismissed by the SAR. Therefore, at all times, the plaintiff was without leave to file a statement of claim. In the circumstances, there was no valid statement of claim filed by the plaintiff. As there was no valid statement of claim, there was no requirement for the defendants to file their defence (see para 11).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan memfailkan pembelaan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 4522.

Untuk kes-kes mengenai indorsan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 6582–6588.

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 6 k 2(1), A 12, A 18 k 1, A 15 k2(1), 6(1)

Plaintif bagi pihak diri sendiri.
Harjinder Singh (Paramasivam bersamanya) (KC Wan & Co) bagi pihak defendan.

Azmel Maamor H:

[1] Plaintif di dalam tindakan ini merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan saya menolak kand 24 iaitu permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman ingkar pembelaan terhadap kesemua defendan. Kandungan 24 difailkan tanpa afidavit sokongan. Alasan ringkas yang dinyatakan di dalam permohonan tersebut ialah kesemua defendan gagal memfailkan pembelaan. Sebagaimana plaintif, defendan-defendan juga tidak memfailkan afidavit jawapan dalam menentang permohonan tersebut. Untuk memahami dengan lebih jelas apa yang telah berlaku sehingga membawa kepada pemfailan dan penolakan kand 24, saya rasa ada baiknya diperturunkan secara kronologi apa yang telah berlaku di dalam tindakan ini.

[2] Pada 4 September 2000 plaintif telah memfailkan writ saman (kand 1) terhadap defendan-defendan. Namun begitu, kand 1 hanya dikeluarkan oleh

mahkamah pada 12 September 2000. Kandungan 1 tidak diindorskan dengan pernyataan tuntutan tetapi sekadar dimasukkan pernyataan ringkas tentang relief atau remedi yang dipohon. Atas sebab apa plaintif berbuat demikian tidaklah diketahui dan hanya plaintif sendiri yang lebih arif mengenainya. Tindakan memfailkan writ saman hanya dengan pengindorsan relief atau remedi yang dipohon tanpa memasukkan pernyataan tuntutan biasanya diambil jika plaintif ingin bertindak pantas di dalam keadaan tertentu dan berhasrat untuk memohon suatu perintah injunksi bagi mengekalkan *status quo* sesuatu keadaan. Di dalam keadaan terbatas tersebut untuk menyediakan pernyataan tuntutan mungkin mengambil masa dan plaintif hanya memfailkan writ saman yang diindorskan dengan relief atau remedi yang dipohon sahaja. Kemudiannya barulah pernyataan tuntutan difailkan. Tetapi di dalam tindakan ini tiada sebarang permohonan interlokutori sedemikian dibuat. Namun begitu, plaintif bebas untuk bertindak sedemikian di bawah undang-undang. A 6 k 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT 1980') membenarkan writ saman difailkan tanpa pengindorsan pernyataan tuntutan. Jika langkah tersebut diambil, relief atau remedi yang dipohon mesti diindorskan di dalam writ saman. Bagi memudahkan rujukan, saya perturunkan Aturan tersebut dan ianya adalah seperti berikut:

> 2 (1) Sebelum sesuatu writ dikeluarkan ia mestilah diindorskan.
>
> (a) dengan pernyataan tuntutan atau, jika pernyataan tuntutan tidak diindorskan pada writ itu, dengan pernyataan ringkas tentang jenis tuntutan yang dibuat atau relief atau remedi yang dikehendaki dalam tindakan yang dimulakan dengan demikian itu;
>
> (b) … .

[3] Atas kesenangan penyemakan relief atau remedi yang dipohon oleh plaintif sebagaimana pengindorsan ringkas di dalam kand 1 dipetik *in toto* dan ianya adalah seperti berikut:

> Tuntutan plaintif ialah untuk :
>
> (1) Ganti rugi untuk fitnah (slander) dan kepalsuan niat jahat yang disiarkan kepada kumpulan ahli-ahli keluarga termasuk Charanjit Singh a/l Puran Singh (juga dikenali sebagai Charanjit Singh Saini) dan anaknya, Anildeep Singh; Vickramjit Singh a/l Puran Singh dan anaknya Shivani; Duleep Singh Kaulsay dan ketiga-tiga anaknya; Puan Charngeet Kaur a/p Balwant Singh; kesemuanya menghadiri bacaan surat wasiat ibu plaintif, mendiang Savitri a/p Amar Chand pada hari Ahad, 4 September 1994 di No 99, Lorong Barat, Taman Zooview, Hulu Kelang, 68000 Ampang, Selangor. Fitnah (slander) telah juga disiarkan kepada jiran sebelah, Dr Nathan dan keluarganya.
>
> (2) Suatu injunksi 'to restrain the defendants by themselves or by their agents or servants or otherwise from further speaking or publishing the said or any similar words defamatory of the plaintiff'.

A **[4]** Afidavit serahan di kand 18 menunjukkan bahawa kand 1 telah diserahkan kepada defendan pertama pada 31 Ogos 2001; kepada defendan kedua pada 4 September 2001; dan kepada defendan ketiga pada 3 September 2001. Setelah kand 1 diserahkan, defendan-defendan memfailkan saman dalam kamar *ex-parte* (kand 7) untuk memohon kebenaran bagi memasukkan memorandum **B** kehadiran bersyarat pada 19 September 2001. Kandungan 7 telah dibenarkan oleh penolong kanan pendaftar ('PKP') pada 20 September 2001. Selaras dengan itu, pada 21 September 2001 memorandum kehadiran bersyarat (kand 9) telah difailkan ke dalam mahkamah. Pada 9 Oktober 2001, defendan-defendan memfailkan saman dalam kamar (kand 12) untuk membatalkan tindakan plaintif **C** atas alasan kand 1 diserahkan di luar tempoh masa yang dibenarkan. kand 12 telah ditolak dengan kos oleh PKP yang bijaksana pada 6 Februari 2002. Tiada rayuan dibuat oleh defendan-defendan berkenaan dengan penolakan kand 12.

D **[5]** Sementara itu pada 16 Oktober 2001, iaitu tujuh hari selepas kand 12 difailkan, plaintif telah memfailkan saman dalam kamar (kand 13) untuk mendapat perintah perlanjutan masa untuk memfailkan pernyataan tuntutan kepada suatu tarikh selepas kand 12 diselesaikan. Kandungan 13 juga menerima nasib seperti kand 12 di mana ianya ditolak oleh PKP pada 20 Februari 2002. Tiada rayuan dibuat oleh plaintif berkenaan dengan penolakan tersebut. **E** Walaupun plaintif telah memfailkan kand 13, sebelum sempat permohonan tersebut diputuskan, plaintif pada 24 Januari 2002 telah memfailkan pernyataan tuntutan (kand 19). Dengan lain perkataan, plaintif tidak menunggu keputusan kand 12 dan 13 bagi memfailkan pernyataan tuntutan sedangkan plaintif telah memohon perlanjutan masa untuk memfailkan pernyataan tuntutan setelah **F** kand 12 diputuskan.

[6] Pada 25 Jun 2002, berkemungkinan bertindak atas andaian bahawa pernyataan tuntutan telah difailkan dan tiada pembelaan difailkan oleh kesemua defendan, plaintif telah memfailkan kand 24 untuk mendapat penghakiman ingkar pembelaan. Isu yang perlu diputuskan ialah di dalam keadaan di mana **G** hanya pengindorsan ringkas mengenai relief dan remedi yang dipohon sahaja dimasukkan di dalam writ saman yang telah difailkan bilakah pernyataan tuntutan perlu diserahkan kepada defendan.

[7] A 18 K 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memperuntukkan **H** seperti berikut:

> 1 Melainkan, jika mahkamah memberikan kebenaran yang berlawanan atau suatu kenyataan tuntutan diindorskan pada writ itu, plaintif mestilah menyampaikan pernyataan tuntutan itu kepada defendan atau, jika ada dua orang defendan atau lebih, kepada setiap seorang defendan, dan mestilah berbuat sedemikian semasa **I** writ itu, atau notis writ itu, disampaikan kepada defendan itu atau pada bila-bila masa selepas penyampaian writ atau notis itu tetapi sebelum tamatnya tempoh 14 hari selepas defendan itu memasukkan kehadiran.

[8] Ringkasnya, kecuali mendapat arahan selainnya, Aturan tersebut memerlukan plaintif yang tidak mengindorskan pernyataan tuntutan di dalam writ saman menyerahkan pernyataan tuntutan kepada defendan dalam masa 14 hari selepas defendan memasukkan kehadiran. Adalah diperhatikan, Aturan tersebut hanya memperuntukkan berkenaan serahan pernyataan tuntutan dan tidak menyentuh berkenaan dengan tarikh pemfailan pernyataan tuntutan. Tidak terdapat juga peruntukan lain di dalam KMT 1980 berkenaan tempoh masa untuk memfailkan pernyataan tuntutan di dalam keadaan hanya relief atau remedi sahaja diindorskan di dalam writ saman semasa ianya difailkan. Oleh kerana tiada pihak membangkitkan isu berkenaan tempoh masa untuk memfailkan pernyataan tuntutan di dalam keadaan ianya tidak diindorskan di dalam writ saman semasa ianya difailkan, saya tidak berhajat untuk membuat keputusan terhadap isu itu. Memadailah saya katakan seolah-olah terdapat *lacuna* berhubung dengan masa untuk memfailkan pernyataan tuntutan jika tidak diindorskan di dalam writ saman semasa difailkan. Adalah diperhatikan defendan-defendan di dalam tindakan ini hanya mencabar serahan pernyataan tuntutan dan bukannya keesahan pernyataan tuntutan yang telah difailkan. Sehingga hari ini defendan-defendan tidak memfailkan permohonan untuk mengetepikan pernyataan tuntutan yang telah difailkan.

[9] Plaintif, seorang peguambela dan peguamcara dan bertindak sendiri di dalam tindakan ini, di dalam hujahannya menyatakan bahawa A 18 k 1 KMT 1980 hanya terpakai di dalam keadaan di mana defendan memfailkan kehadiran tak bersyarat sahaja. Tambah plaintif lagi, setelah (kand 12) ditolak pada 6Februari 2002, kehadiran bersyarat dikira sebagai kehadiran tak bersyarat dan plaintif mempunyai masa selama 14 hari daripada tarikh 6 Februari 2002 untuk menyerahkan pernyataan tuntutan terhadap defendan-defendan. Menurut plaintif, pihaknya mempunyai tempoh membuat serahan pernyataan tuntutan sehingga 20 Februari 2002. Pernyataan tuntutan telah diserahkan kepada peguamcara defendan-defendan pada 20 Februari 2002, maka tempoh 14 hari di bawah A 18 k 1 KMT 1980 telah dipatuhi. Peguamcara defendan-defendan pula di dalam hujahannya menegaskan bahawa A 18 k 1 KMT 1980 tidak membezakan antara kehadiran tak bersyarat dan kehadiran bersyarat. Oleh itu, tempoh 14 hari untuk membuat serahan pernyataan tuntutan dari tarikh pemfailan kehadiran, tanpa mengira sama ada kehadiran tak bersyarat atau kehadiran bersyarat telah difailkan terpakai.

[11] Di bawah A 12 KMT 1980 terdapat dua jenis kehadiran yang boleh difailkan iaitu kehadiran tak bersyarat di dalam borang 15 (A 15 k 2(1) KMT 1980) dan juga kehadiran bersyarat di dalam borang 16 (A 15 k 6(1) KMT 1980). Sebelum kehadiran bersyarat melalui borang 16 difailkan kebenaran mahkamah diperlukan. Di dalam tindakan ini, defendan-defendan memfailkan kehadiran di dalam borang 16. Saya berpendapat, kehadiran boleh dimasukkan melalui salah satu antara dua borang yang berkenaan, bergantung kepada

keadaan, keperluan dan keinginan seseorang defendan. Jika, seseorang defendan itu tidak mempunyai apa-apa bantahan terhadap keesahan atau serahan writ saman dan tidak juga ingin membuat permohonan untuk membatalkan tindakan plaintif, defendan seharusnya memfailkan kehadiran tak bersyarat di dalam borang 15. Tetapi, jika defendan ingin mencabar keesahan atau serahan writ saman atau juga berhasrat membuat permohonan untuk membatalkan tindakan yang dibawa terhadapnya, maka tidak dapat tidak, seseorang defendan itu mesti memfailkan kehadiran bersyarat di dalam borang 16. Adalah pendapat saya, sama ada kehadiran di dalam borang 15 atau 16 telah difailkan, A 18 k 1 KMT 1980 terpakai dan tempoh masa untuk menyerahkan pernyataan tuntutan kepada defendan mestilah 14 hari daripada tarikh pemfailan kehadiran di mahkamah tanpa mengira sama ada kehadiran bersyarat atau kehadiran tak bersyarat telah difailkan oleh defendan.

[12] Di dalam tindakan ini, defendan-defendan telah memfailkan kehadiran bersyarat pada 21 September 2001. Dengan itu, plaintif mempunyai masa sehingga 5 Oktober 2001 untuk membuat serahan pernyataan tuntutan kepada kesemua defendan. Afidavit penyampaian (kand 25) menunjukkan bahawa pernyataan tuntutan di kand 19 hanya diserahkan kepada peguamcara defendan-defendan pada 20 Februari 2002. Pada masa kand 19 diserahkan masa untuk membuat serahan telah luput. Serahan yang dibuat di dalam masa yang tidak dibenarkan tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang. Selaras dengan itu defendan-defendan tidak perlu memfailkan pembelaan mereka. Di dalam keadaan defendan-defendan tidak perlu memfailkan pembelaan, tidaklah boleh dikatakan defendan-defendan telah gagal memfailkan pembelaan di dalam masa yang diperuntukkan.

[13] Perlu juga ditekankan di sini bahawa sebelum plaintif memfailkan kand 19, plaintif telah memfailkan kand 13 untuk mendapatkan perlanjutan masa untuk memfailkan pernyataan tuntutan. Tindakan plaintif yang demikian itu membawa erti bahawa plaintif mengakui adalah perlu untuk mendapat kebenaran mahkamah untuk memfailkan pernyataan tuntutan dan seterusnya membuat serahan. Sebaliknya, secara tiba-tiba plaintif mengambil langkah yang bertentangan dengan pendirian asalnya. Sebelum kand 13 diputuskan, plaintif telah terlebih dahulu memfailkan kand 19. Plaintif tidak boleh dibenarkan mengambil pendirian yang berbeza. Lebih memudaratkan kedudukan plaintif, permohonan plaintif untuk perlanjutan masa untuk memfailkan pernyataan tuntutan telah ditolak oleh PKP pada 20 Februari 2002. Ini bererti pada mana-mana masa plaintif tidak mendapat kebenaran untuk memfailkan pernyataan tuntutan. Di dalam keadaan yang demikian, setakat ini belum ada lagi pernyataan tuntutan yang sah yang telah difailkan oleh plaintif. Memandangkan kepada ketiadaan pernyataan tuntutan yang sah telah difailkan maka keperluan bagi defendan-defendan memfailkan pembelaan tidak timbul.

[14] Atas alasan-alasan tersebut di atas saya memutuskan bahawa permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman ingkar kehadiran ditolak dengan kos.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Izzaty Izzuddin

A

B

C

D

E

F

G

H

I